

## GENDER DAN KESELAMATAN: SUMBANGAN MAHARANI CIXI DALAM REFORMASI CHINA (1861-1908)<sup>©Σ</sup>

MUHAMAD DANIEL IBRAHIM YAACOB\*, SITI ZULIHA RAZALI<sup>†</sup> DAN MUHAMMAD FEBRIANSYAH<sup>‡</sup>

### ABSTRAK

Terdapat kekurangan kajian gender dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang membincangkan perihal kepimpinan wanita silam, seperti kepimpinan Cixi (1861-1908). Majoriti kajian hanya membincangkan naratif umum kehidupannya. Maka, artikel ini tertumpu kepada kajian inklusif membabitkan kepimpinan dan sumbangan Cixi. Baginda adalah di antara pemimpin wanita yang berjaya memerintah dengan menafikan dominasi praktik patriarkisme. Keterlepasan pandang sumbangannya itu disebabkan kepimpinannya diwarnai kontroversi negatif yang mencacatkan reputasinya dalam naratif akademik. Justeru, menerusi kaedah kajian kes, kajian kepustakaan dan metod analisis wacana kritis, artikel ini membincangkan mengenai sumbangan Cixi kepada Qing yang sekaligus memenuhi kelompongan kajian hubungan antarabangsa mengenai keterlepasan pandang sumbangan Cixi yang merupakan sebahagian cabang kajian “missing women figure under the gender scholarship”. Hasil kajian menunjukkan sumbangan Cixi itu boleh dilihat menerusi reformasi sudut politik seperti pembangunan sektor pertahanan moden dan aspek ekonomi, serta sektor sosial seperti pemerkasaan wanita. Cixi menafikan halangan gender untuk menjadi pemimpin, namun sumbangannya dipinggirkan dan sepatutnya diraikan sebagai salah seorang pemimpin silam yang berjaya.

**Kata Kunci:** China, Cixi; kepimpinan dan sumbangan wanita, politik strategi gender China purba.

<sup>©</sup> Para Penulis.2023. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [*creative common* (CC)]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>, yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan SINERGI)

<sup>Σ</sup> **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 5 Ogos 2023; Tarikh penerimaan: 12 September 2023; Tarikh Penerbitan: 31 Disember 2023.

\* **Penulis Pertama:** Muhamad Daniel Ibrahim Yaacob, Sarjana Muda (*UKM*), Unit Sains Politik, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Emel:danielyaacob@student.usm.my

<sup>†</sup> **Penulis Kedua dan Penulis Penghubung:** Siti Zulhiha Razali, PhD (*Denver*) ialah Pensyarah Kanan, Unit Sains Politik, Sekolah Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Email: siti\_razali@usm.my

<sup>‡</sup> **Penulis Ketiga:** Muhammad Febriansyah, PhD (*UKM*), ialah Pensyarah Kanan dan Penyelaras, di Unit Sains Politik, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang. Emel: febrian@usm.my

**GENDER AND SECURITY: EMPRESS CIXI'S CONTRIBUTION IN CHINA'S REFORM (1861-1908)**

MUHAMAD DANIEL IBRAHIM YAACOB, SITI ZULIHA RAZALI AND MUHAMMAD FEBRIANSYAH

---

**ABSTRACT**

*Research on gender and ancient female leadership, like that of Empress Dowager Cixi (1861–1908), is lacking in English and Malay. Most research only discussed Cixi's general narrative. The majority of studies merely covered Cixi's overarching story. Cixi was one of the women leaders who defied the patriarchal status quo to rule. Nevertheless, her contribution was overlooked due to the controversy surrounding her, which tarnished her reputation. Thus, through library research and content analysis methods, this article discusses Cixi's contribution to the Qing dynasty while filling in the research gap of international relations scholarship by overlooking Cixi's contributions, which fall under the scope of the missing women figures under the gender and international relation scholarship. The study shows that Cixi's contribution could be traced through the reformation of political sectors, such as the development of modern military and defense sectors, economic sectors, and social sectors, such as women's empowerment. Cixi successfully defied the gender barrier to become a leader; however, her contribution has been overlooked. It is time for her leadership to be recognised.*

**Keywords:** China, Cixi, women leadership and contribution, ancient Chinese politics and gendered strategies.

## Pengenalan

Maharani Cixi merupakan pemimpin wanita lampau yang telah menafikan status quo patriarki bagi mendominasi pentadbiran China silam pada era lewat dinasti Qing. Status quo Qing yang bertunjangkan patriarki itu menjulang *superiority* lelaki dan *inferiority* wanita yang menyaksikan wanita Qing terpaksa tunduk kepada golongan lelaki dan ini dilihat mempunyai persamaan dengan imej wanita India yang juga terikat dengan status quo dan praktik yang sama (Gao 2000; Nasuha Anuar and Moussa Pourya Asl 2022). Amalan diskriminasi wanita ini dilihat meliputi setiap sudut kehidupan wanita Qing di mana mereka ditindas dan dikongkong misalannya dinafikan hak pendidikan menyeluruh dan hanya layak mendapat pendidikan wanita berkaitan kewanitaan dan rumah tangga *Nü sishu* (Empat Buku Konfucius untuk Wanita) (Gao 2003). Jiang (2009) mengulas bahawa wanita China silam tidak mendapat peluang atau pengiktirafan seperti lelaki. Ini yang berlaku di dalam naratif Cixi di mana peranan dan sumbangan baginda tidak diperihalkan di dalam majoriti naratif akademik dan hanya orang bawahannya seperti Li Hongzhang (1823-1901) yang mendapat kredit atas peranan mereka di dalam reformasi China.

Pentadbiran Cixi bermula pada 1861 sebagai pemangku pemerintahan anaknya Maharaja Tongzhi dan berlanjutan sehingga ke pemerintahan anak saudaranya Maharaja Guangxu. Pelbagai proses perubahan dilakukan untuk memastikan kelangsungan dinasti itu. Status quo China pra-pentadbiran Cixi menyaksikan negara tersebut diibaratkan telur di hujung tanduk setelah tewas buat kali kedua di dalam Perang Candu dan menanggung hutang perang tinggi. Antara proses reformasi yang berlaku boleh dilihat dari sudut reformasi sistem pertahanan dan pembangunan infrastruktur. Namun sarjana seperti Ong (2005) mengulas bahawa kepimpinannya adalah gagal dalam memastikan kelangsungan dinasti Qing. Namun terdapat kajian lepas lain yang melihat kepimpinan Cixi dari sudut positif seperti kajian Chang (2013) dan Barish (2019) iaitu tidak menilai kepimpinan Cixi sebagai kepimpinan yang gagal disebabkan Cixi ada memainkan peranan sebagai seorang *regent* dan sumbangannya itu boleh dikenal pasti. Kajian ini bertujuan memenuhi kelompongan dan kekurangan kajian mengenai sumbangan Cixi di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di dalam bidang kajian gender dan hubungan antarabangsa untuk rujukan umum masyarakat akademik dan bukan akademik yang *non-Mandarin speaker* disebabkan majoriti penulisan kajian Cixi ini adalah di dalam Bahasa Mandarin. Kajian ini mendapati kebanyakannya kajian lepas di dalam bahasa Inggeris dan Melayu dilihat membentuk satu corak serupa iaitu yang menumpukan perbincangan mereka kepada satu sisi sahaja iaitu naratif Cixi secara umum tanpa merangkumi atau menghasilkan kajian perbincangan fokus terhadap peranan dan sumbangannya dan maka kajian ini berperanan untuk menjadi satu kajian inklusif yang memerihalkan sumbangan pemimpin wanita seperti Cixi yang dilihat tenggelam di dalam majoriti perbincangan akademik dan juga pengetahuan masyarakat awam.

## Kerangka Konseptual

### *Konsep Gender*

Nagoshi, Nagoshi dan Brzuzy (2014) menyatakan bahawa gender adalah sistem klasifikasi yang menjelaskan perwatakan yang ditujukan mengikut jantina alat kelamin. Perwatakan yang sedia ada adalah di antara maskulin atau feminin. Wujudnya "gender assignment" atau penugasan jantina di mana ia telah ditetapkan di waktu kelahiran

mengikut jenis alat kelamin bayi dan sekaligus menentukan ciri perwatakan mereka yang membentuk peranan gender (Nagoshi, Nagoshi and Brzuzy 2014). Norma wanita ialah harus mempunyai ciri feminin seperti berperwatakan lemah lembut, memakai alat solek dan ini kontra dengan ciri lelaki maskulin di mana mereka harus berperwatakan gagah, membuat kerja berat, kasar dan lain-lain. Di sebalik konsep gender wujud satu permasalahan iaitu ketidaksamaan gender yang berlaku yang mengambil tempat di dalam pelbagai struktur organisasi dan masyarakat (Lorber 2011). Pembentukan dikotomi peranan gender dari awal kehidupan boleh dilihat di mana kanak-kanak lelaki dan perempuan dijaga dan diasuh dengan cara yang berbeza dan ia berlanjutan sehingga ke dalam sistem pendidikan di mana budak lelaki diajar dan dibentuk untuk terlibat dalam aktiviti atau pekerjaan yang lebih maskulin dan lebih berprestij bagi mendapatkan posisi tinggi dalam hierarki berbanding dengan wanita yang mempunyai peluang terhad dan hanya tertumpu kepada ruang lingkup yang terhad (Jaggar 1988). Ini termasuk pengiktirafan golongan lelaki berbanding wanita dan wanita itu lebih ditindas sejak dari zaman lampau (Jiang 2009)

### ***Smart Power***

Konsep *smart power* merupakan strategi yang menggabungkan sumber kuasa *soft power* dan *hard power* dalam sebuah konteks kuasa yang berbeza dan akan membantu mengatasi masalah (Nye Jr. 2011). Konsep ini menggariskan lima persoalan tertentu iaitu:

- a) Apakah hasil yang diingini?
- b) Apakah sumber sedia ada dan ia tergolong dalam konteks mana?
- c) Apakah perkara yang perlu dipenuhi atau diingini sasaran dalam cubaan untuk mempengaruhi sasaran?
- d) Apakah yang dilihat mampu membantu memastikan hasil dapat dicapai?
- e) Apakah peratusan kejayaan? (Nye 2011).

Konsep ini merangkumi diplomatik, ketenteraan, undang-undang, kebudayaan di mana gabungan kesemua medium ini mampu mengatasi masalah atau isu yang timbul. Apabila kesemua medium ini yakni diplomasi, kebudayaan, komunikasi, ketenteraan yang dilihat menggabungkan *soft power* dan *hard power*, ia mencipta satu strategi baharu yang dilihat sebagai medium efektif dalam mengatasi apa jua isu (Nye Jr. 2011).

### **Metodologi Kajian**

Kaedah kajian kes dan kajian kepustakaan digunakan sebagai kaedah pengumpulan data sumber sekunder yang menjadi sumber utama yang seterusnya diproses menggunakan analisis wacana kritis. Sebagai subjek utama kajian ini, segala analisis dilakukan di dalam skop kajian kehidupan Cixi dan China di antara 1856 sehingga 1908. Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data ini, kaedah dan indikator analisis wacana kritis yang dibentangkan oleh Wodak dan Meyer (2015) telah digunakan bagi pengumpulan data dan diselaraskan dengan kaedah triangulasi data. Setiap data tersebut dikumpul menerusi setiap sumber sekunder sedia ada bagi memastikan hujah yang dibentangkan itu telus dan bukan dihasilkan menerusi *cherry picking data*. Indikator tersebut adalah:

- a) Tempoh/waktu khusus yang berkait dengan skop temporal kajian iaitu 1856-1908
- b) Wacana khusus berkaitan aktor kajian (cixi)
- c) Unit analisis negara seperti china dan negara barat

## Kajian Literatur

Kebanyakan kajian Cixi tertumpu kepada perbincangan naratif umum kehidupannya dan majoriti kajian itu tertumpu kepada sudut pandang bersifat kritikan dan kegagalan kepimpinannya yang didakwa menjadi asbab kejatuhan dinasti Qing. Wujudnya kekurangan kajian lepas yang inklusif mengenai kajian sumbangan dan peranan Cixi di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Ini kerana kebanyakan kajian lepas adalah bersifat kajian-kajian umum kehidupan Cixi. Antara kajian lepas yang dilihat bersifat kritikan terhadap Cixi ialah kajian Ong (2005) yang mendakwa kejatuhan dinasti itu disebabkan ketamakan Cixi dan penolakan reformasi yang ingin dilaksanakan itu telah menjurus kepada kejatuhan dinasti itu. Sarjana seperti Woo (2002) menerusi karyanya membincangkan tentang Cixi dan dia memberi pandangan bahawa Cixi itu berada di dalam dilema iaitu di antara menuruti keperluan untuk mereformasi negara China dan menghormati tradisi nenek moyang.

Kajian seterusnya ialah oleh Ku (2021) tertumpu kepada kehidupan Cixi pada tempoh 1861-1874. Ku tertumpu kepada perbincangan kehidupan Cixi pada awal pentadbirannya sebagai pemangku pemerintahan bagi Tongzhi. Ku (2021) berpandangan bahawa Cixi ada mengambil tindakan untuk menstrukturkan semula tradisi pentadbiran istana itu tetapi ia dilihat sebagai satu tindakan drastik untuk melindungi kuasanya itu. Boon Dar (2021) menyimpulkan bahawa Cixi mengambil tindakan menghentikan proses pemodenan bagi melindungi kuasanya itu dan tindakan ini membantutkan proses pemodenisasian China. Ini merupakan salah satu sudut pandang kajian kontemporari yang melihatkan sisi pandang berbeza mengenai Cixi.

Namun kajian lepas seperti Chang (2013) telah memberikan satu sisi pandang baharu mengenai kepimpinan Cixi walaupun karyanya bersifat penulisan umum yang memerihalkan kehidupan Cixi secara total. Karya ini memerihalkan mengenai Cixi daripada kehidupan awal baginda sehingga ke kemangkatannya dan Chang ada menyisip berkenaan kepimpinannya itu. Sumbangan Cixi boleh dilihat dari sudut pembangunan negara China dan sosial itu sendiri. Chang menyimpulkan bahawa kepimpinan Cixi ini telah berjaya memastikan kemandirian China untuk separuh dekad seterusnya. Kajian yang lebih kontemporari yang dilakukan oleh Barish (2019) membincangkan berkenaan sumbangan Cixi di dalam reformasi pendidikan wanita Qing yang dilihat telah mengubah status quo sedia ada berkenaan pendidikan wanita yang selama ini terhad.

Rhim (1982) mengulas bahawa wanita era China tradisional itu didiskriminasi dari sudut kehidupan dan ini termasuk pendidikan di mana silibus pendidikan mereka tertakluk kepada *Nü sishu* yang tertumpu kepada penyediaan mereka untuk kehidupan berumah tangga dan kod tingkah laku sahaja. Ini juga diulas oleh Ruskola (1994) yang juga mengulas di dalam artikel beliau dengan menyatakan bahawa sistem masyarakat Qing itu dilihat mempromosikan ketidaksamaan gender di antara lelaki dan wanita. Kajian Rhim (1982) dilihat selari dengan kajian Gao (2003) yang membincangkan penindasan dan diskriminasi wanita China itu berlaku semenjak dari zaman mereka bayi lagi. Di samping itu, mereka juga ditindas dan dikawal di dalam sudut gaya hidup yang menyaksikan mereka terikat dengan amalan kecantikan melampau atas alasan prospek perkahwinan. Gao (2003) mengulas mengenai golongan wanita China tidak boleh terlibat di dalam urusan awam seperti pentadbiran dan sebagainya kerana itu jatuh di bawah skop peranan masyarakat lelaki dan ini secara langsung menunjukkan berlakunya ketaksamarataan peranan gender di pada ketika itu.

Seterusnya karya Wong (1992) yang membincangkan mengenai bagaimana Cixi tidak mendapat pengiktirafan atas peranan dan kepimpinannya itu dan ini dilihat menjadi salah satu sebab mengapa naratif atau kajiananya mengenai sumbangannya itu terlepas pandangan di dalam bidang kajian. Schwegler (2017) pula lebih membincangkan mengenai naratif sudut pandang negatif Cixi yang dilakukan oleh kebanyakan sarjana sedia ada seperti Barish (2019) yang menjadi punca naratif sumbangaan Cixi itu terlepas pandang dan tidak dikembangkan kepada umum menyebabkan sudut positif kepimpinan Cixi itu dilihat tenggelam dari pandangan masyarakat umum dan akademik. Li dan Chang (2020) memberi pandangan bahawa karya-karya yang menjadi rujukan utama sarjana di dalam penulisan Cixi seperti karya Barish (2019) itu dipenuhi fiksyen yang menyebabkan masyarakat melihat kepimpinan Cixi sebagai kepimpinan yang kurang cekap. Hevia (1995) juga mengulas bahawa sudah tiba masanya para sarjana untuk mula mengkaji secara mendalam mengenai dokumen rasmi Qing tanpa perlu bergantung kepada anekdot atau penulisan biografi semata dan ini dilihat menyebabkan keterlepasan pandang terhadap kepimpinan Cixi itu berlaku.

Kajian lepas seterusnya oleh Chang (2020) mengulas peranan Sir Robert Hart yang memainkan peranan besar di dalam membantu kepimpinan Cixi di dalam reformasi sistem pertahanan dan keselamatan di China itu seperti *Chinese Imperial Maritime Customs Service* (CMCS) yang bertindak mengawal keselamatan dan meregulasi peraturan sektor perdagangan maritim China, mengutip cukai kastam dan menjaga hubungan perdagangan di antara China dan negara-negara luar. Kajian ini tertumpu kepada penulisan peranan Hart di dalam penyimpanan sumber-sumber primer seperti dokumen rasmi yang digunakan di dalam penulisan sejarah moden China. Chang (2016) mengulas bahawa peranan Hart sebagai seorang jeneral inspector bagi CMCS itu telah membantu merancakkan lagi sektor perdagangan maritim di China menerusi adaptasi sistem Barat ke dalam China.

Kajian ini merujuk kajian Orbach (2021) yang tertumpu kepada peranan ketenteraan barat di dalam mengatasi pemberontakan Taiping yang menguasai hampir kebanyakan wilayah-wilayah di China ketika itu yang sekaligus menjadi permulaan kepada pembangunan sistem sekuriti dan pertahanan di China. Pemberontakan Taiping ini melibatkan keganasan bersenjata yang menggugat keamanan dan kedaulatan China dan masyarakat Qing pada ketika itu. Peranan masyarakat Barat seperti Frederick Townsend Ward di dalam pembentukan kumpulan ketenteraan moden pertama di China membantu China menewaskan pemberontakan Taiping yang menggugat kedaulatan keluarga diraja Aisin Gioro dan dinasti Qing. Pembangunan sektor pertahanan moden ini yang berada berlaku ketika era reformasi China moden ini dilihat membantu pentadbiran Cixi mengatasi konflik keganasan yang menggugat keselamatan China ketika itu.

Setelah disoroti kajian-kajian lepas sedia ada, terdapat pelbagai sudut pandang yang berbeza mengenai kepimpinan Cixi ini namun hampir majoritinya itu berkisar dari sudut kehidupannya secara umum. Maka kajian ini mengambil pendekatan untuk menghasilkan satu kajian yang inklusif mengenai sumbangaan yang terhasil dari kepimpinan Cixi disebabkan wujud ketandusan kajian di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris yang meletakkan fokus secara khusus kepada sumbangaan kepimpinan Cixi kepada sektor sosial seperti pemerkasaan wanita, sudut politik dan pertahanan iaitu pembangunan sektor keselamatan dan ketenteraan moden dan pembangunan sektor ekonomi dan infrastruktur seperti perdagangan.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### *Status Quo China Pra-Pentadbiran Cixi (1856-1861)*

Status quo China ketika era pentadbiran Maharaja Xianfeng (1881-1861) menyaksikan China berada di dalam situasi terkontang kanting terutama setelah kekalahan perang Candu Kedua (1856-1860) (Chang 2013). Impak perang tersebut menyebabkan China menanggung beban hutang tinggi di samping negara itu masih lagi mengalami kesan kebejatan ekonomi akibat daripada kekalahan perang Candu Pertama (1839-1842). Kesannya bukan sahaja dari sudut ekonomi malahan kedaulatan China dicabuli dan kegagalan sistem pertahanan China untuk menjamin kedaulatan China dan terpaksa akur kepada kuasa asing. Ini yang menjadi salah satu perkara yang diambil berat oleh Cixi di samping melihat Istana Musim Panas lama kegemarannya itu musnah ketika perang candu kedua sekaligus dilihat mempengaruhi kepimpinannya dalam perlaksanaan program Reformasi Qing ini (Chang 2013).

Program ini berlangsung ketika era Tongzhi (1861-1875) dan era Guangxu (1875-1908) yang menyaksikan Cixi memainkan peranan sebagai *regent* atau pemangku pemerintah kepada kedua maharaja tersebut. Era Tongzhi dikongsi tadbir oleh Cixi dan Maharani Ci'an (1837-1881) iaitu mantan Permaisuri kepada Maharaja Xianfeng dan tugas mereka berbeza di mana peranan Ci'an terkhusus pada urusan pelantikan dan pengesahan dekri yang akan dikeluarkan manakala Cixi lebih berperanan di dalam urusan pentadbiran (Yu 2015). Sumbangan Cixi di dalam program reformasi Qing ini boleh dibahagikan kepada beberapa sudut seperti politik dan pertahanan, pembangunan dan ekonomi serta sosial.

### *Sumbangan Cixi dan Reformasi Polisi dan Pertahanan Qing*

Reformasi polisi Qing itu dimulakan dengan perlaksanaan semula dasar buka pintu oleh Cixi bagi merancakkan semula pembangunan ekonomi China yang begitu goyah dan merudum akibat menanggung hutang perang Candu (Hevia 1995). Dasar tutup pintu terhadap negara luar dilaksanakan oleh Maharaja Qianlong (1735-1799) dan langkah ini dilihat menjadi salah satu punca yang menjurus kepada tertewasnya Qing di dalam Perang Candu Kedua (1856-1860) dan juga pembangunan China di dalam pentadbiran, sektor pertahanan malahan juga ekonomi (Suwanthanin 2022). Perlaksanaan dasar ini membuatkan China ketinggalan dari arus permodenan dari segala sudut seperti pemodenan sektor pertahanan dan infrastruktur. Ketinggalan di dalam pembangunan kemodenan itu dilihat sekaligus merencatkan sektor pertahanan China. Ini sekaligus menyebabkan keselamatan dan kedaulatan China terdedah kepada ancaman-ancaman luar dan akibatnya dapat dilihat apabila China tewas ketika perang candu pertama dan kedua. Terdapat banyak faktor yang menjadi pencetus berlakunya perang candu pertama ini misalannya keinginan British ingin mengembangkan dan mengukuhkan perdagangan mereka di China, peranan William Jardine salah seorang pedagang candu terkemuka serta British ingin membala semula tindakan pegawai Qing, Lin Zexu yang menghapuskan berpuluhan ribu kotak simpanan candu milik British serta China itu sendiri yang ketinggalan dari sudut pemodenan (Cassan 2005). Faktor dasar tutup pintu itu telah menyebabkan ketinggalan yang menjurus kepada China berada di takuk lama pada ketika itu dan tidak berkembang seiring dengan peredaran masa dan lantas menjurus kepada tewasnya China di dalam perang candu pertama dan kedua yang sekaligus menggambarkan situasi kurun yang memalukan negara China dan salah satu frasa terkemuka yang sering digunakan bagi menggambarkan situasi itu ialah *the backward*

*will be beaten* (Wang 2020) yang diinterpretasikan sebagai ketinggalan dalam pembaharuan itu mampu menghasilkan risiko yang menggugat kedaulatan, keselamatan negara akibat ketidakmampuan menyediakan sektor pertahanan yang mampu menyaingi ancaman luar yang dilengkapi teknologi pertahanan yang lebih maju.

Ketinggalan China di dalam pembangunan sektor pertahanan menyebabkan ia tidak mampu menjaga keselamatan dan kedaulatan negara dan menjurus kepada kekalahan China di dalam Perang Candu Kedua dan akibatnya China terpaksa menanggung hutang tinggi (Chang 2013). Selepas mengambil alih pentadbiran, dasar buka pintu telah dilaksanakan oleh Cixi sebagai strategi untuk membantu China kembali bangkit di samping mencapai keberjayaan Program Pengukuhan China untuk menjadikan China kuat dan disegani semula. Hubungan diplomatik yang terbentuk menerusi strategi diplomasi tradisional ini dilihat sebagai salah satu strategi bagi membantu mengubah status quo China di samping memastikan kelangsungan China dan melindungi kedaulatan mereka daripada ancaman luar. Strategi yang dilaksanakan oleh Cixi ini boleh dikategorikan sebagai *politics of harmony* atau *the yin yang power* yang menurut Hagström dan Nordin (2020) bergerak selari dengan konsep soft power (kuasa lunak) yang dibangunkan Joseph Nye Jr. (2011) yang mana konsep ini ditakrifkan sebagai satu kebolehan untuk mendapatkan apa yang diingini dengan memenangi hati pihak lain tanpa melibatkan kekerasan dan di dalam kajian ini, Cixi memenangi hati pihak lain seperti negara-negara Barat dengan melaksanakan dasar buka pintu yang membolehkan negara asing kembali berdagang secara aktif di China. Ini sekaligus menjadi *win-win situation* kepada China iaitu dapat memastikan kelangsungan negara tersebut menerusi pemindahan teknologi yang berlaku, pendidikan, perdagangan yang menjana ekonomi dan kedaulatan terjaga dan negara asing mempunyai kebebasan untuk masuk dan berdagangan. Kajian ini tidak menafikan bahawa konsep ini dibangunkan pasca era Qing pada tahun 90-an akan tetapi setelah ditelusuri kajian lampau, dapat dilihat bahawa terdapat pendekatan yang diambil di bawah kepimpinan Cixi yang seakan memenuhi ciri kuasa lunak ini iaitu konsep politik keharmonian yang dipraktikkan di China sejak bergenerasi lamanya.

Maka pada tahun 1861, Cixi meluluskan perlaksanaan dasar adaptasi model Barat dan mengasaskan Zongli Yamen sebagai satu badan untuk mengawal selia segala urusan berkaitan hal negara-negara Barat (Zhang 2010). Menerusi perlaksanaan dasar buka pintu dan strategi yang diambil ini dilihat membawa satu sinar baharu kepada China. Dasar ini membantu membina semula hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa Barat. Cixi melihat dari sudut faedah timbal balik yang akan diperoleh oleh China apabila terbentuknya hubungan ini dan hasilnya melalui dasar buka pintu ini telah merancakkan semula ekonomi China dan keseluruhan hutang perang itu berjaya dikumpul dan berjaya diselesaikan kepada Britain dan Perancis (Chang 2013). Sarjana seperti Akira Iriye (2002) berpandangan cubaan Cixi untuk mereformasi China ketika era Guangxu dilihat sebagai satu cubaan drastik dan terdesak dan tidak membawa apa perubahan. Akan tetapi program reformasi itu telah berlangsung semenjak era Tongzhi lagi yang dilihat memainkan peranan memandirikan dinasti Qing itu daripada terus karam akibat hutang perang candu yang begitu tinggi (Chang 2013). Restorasi Tongzhi yang merupakan program reformasi Qing itu dilaksanakan dibawah kepimpinan Cixi yang digerakkan oleh para pegawainya seperti Li Hongzhang (Chan 2016). Sesetengah para sarjana di dalam karya akademik Bahasa Inggeris seperti (Hsu 2001) memberikan kredit bagi perlaksanaan program reformasi yang berlangsung pada awal dekad pentadbiran Cixi ini diberikan kepada pegawai-pegawai Cixi pada ketika itu seperti Li Hongzhang dan ini menyebabkan dirinya terlepas pandang daripada mendapat kredit yang sama. Maka kajian ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai sumbangannya kepada China.

Seterusnya, sumbangan Cixi dapat dilihat dari sudut pertahanan melalui penamatan *Taiping Rebellion* (1850-1864) (Reilly 2011). Ini berjaya dicapai menerusi persetujuan Cixi untuk menerima tawaran dihulurkan oleh Barat di dalam pemberontakan ini. Langkah yang diambil ini tidak hanya membantu membanteras isu pemberontakan ini tetapi juga membuka ruang strategik untuk membantu meningkatkan sistem pertahanan China menerusi Frederick Townsend Ward untuk melatih tentera China menggunakan strategi ketenteraan moden (Orbach 2021). Orbach (2021) turut mengulas bahawa Xianfeng adalah seorang xenofobik dan anti masyarakat Barat yang secara tegas menolak bantuan Barat dan dasar anti-Barat baginda ini diteruskan oleh lembaga pemangku pemerintah yang dilantik olehnya untuk menjadi pemangku pentadbiran anaknya Tongzhi setelah kemangkatan Xianfeng akan tetapi dasar ini telah dibalikkan apabila Cixi menerajui pentadbiran. Hasil daripada langkah yang diambil ini menjurus kepada terbentuknya divisyen ketenteraan yang dikenali sebagai *Ever-victorious army* oleh Cixi (Smith 1978). Kumpulan tentera ini memainkan peranan utama di dalam penamatan pemberontakan Taiping itu. Keputusan Cixi dilihat sebagai salah satu cubaan untuk membawa reformasi di dalam sistem pertahanan China.

Di samping itu, pembangunan pertahanan pun dimulakan pada tahun 1862 yang menyaksikan tiga buah kilang senjata dibangunkan di Shanghai oleh Li Hongzhang dan diikuti pembangunan sebuah kilang senjata di Soochow dan ia dilihat sebagai satu langkah kanan kepada pembangunan sektor ketenteraan secara berskala besar (Zhang 2010). Ini dilihat amat selari dengan visi pentadbiran Cixi yang ingin menambahbaik sektor pertahanan sedia ada agar selari dengan perkembangan semasa di samping menjaga kedaulatan negara tersebut. Seterusnya, pada tahun 1866, pembangunan secara berskala besar seperti pembinaan akademi serta armada kapal tentera laut pertama dilaksanakan menerusi limbungan Foochow di Ma-wei dan ini diikuti oleh penghantaran pegawai tentera Qing ke England, Jerman dan Perancis untuk mempelajari taktik ketenteraan dan ilmu navigasi kapal dan apa jua berkaitan bidang pertahanan dan ini seterusnya memastikan lahirnya angkatan tentera moden di China (Chang 2013). Kerajaan Qing membuat pelaburan besar untuk memastikan reformasi dan pembangunan sektor pertahanan ini terlaksana (Zhang 2010).

Di dalam menjaga kedaulatan negara China, telah juga tercusus beberapa siri perang misalannya Perang Sino- Perancis yang menyaksikan konflik tercusus antara China dan Perancis dan terdapat beberapa siri pertempuran berlaku di antara dua-dua negara. Chang (2013) menjelaskan Cixi telah menghantar pasukan perunding untuk mencapai kesepakatan bagi mengelakkan perang ini berlanjutan. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa adanya pengaplikasian strategi "*smart power*" dalam pentadbiran Cixi dan tidak dinafikan konsep ini telah dibangunkan pada era moden akan tetapi pendekatan diambil itu adalah serupa. Strategi ini menggabungkan *soft power* dan "*hard power*" iaitu menggabungkan kaedah paksaan/ketenteraan dan rundingan untuk mencapai sesuatu penyelesaian atau resolusi kepada konflik yang dianjurkan oleh Joseph Nye Jr.. Demi menjaga kedaulatan negara, strategi *hard power* telah digunakan di dalam perang ini namun pada masa yang sama untuk mengelakkan lagi konflik berpanjangan yang akan memberi impak negatif kepada semua pihak, rundingan damai telah dilakukan.

Walaupun ada pandangan yang bercampur aduk seperti Ong (2005) yang melihat kegagalan penglibatan peranan Cixi di dalam reformasi dan pemodenan yang berlaku, namun tidak boleh dinafikan bahawa segala reformasi ini mampu berlaku dan dilaksanakan dengan persetujuan dan dekri yang dikeluarkan olehnya (Wong 1992). Menerusi kepimpinan Cixi ini yang telah membalikkan dasar dan polisi lama yang

ditetapkan itu telah membantu membawa perubahan kepada status quo China pada ketika itu yang dilihat ketinggalan dan keterbelakang dek arus pemodenan yang rancak berlaku di negara-negara lain. Ini secara tidak langsung menunjukkan bagaimana hubungan diplomatik yang terbina itu menjana perubahan langsung kepada China sekaligus menjamin kedaulatan China.

### **Pembangunan Infrastruktur dan Ekonomi**

Langkah reformasi dasar dan polisi yang dilaksanakan oleh pentadbiran Cixi ini dilihat mempengaruhi pelbagai sudut lain seperti pembangunan ekonomi dan infrastruktur. Menerusi hubungan diplomatik yang terjalin di antara negara-negara luar dan China, ia telah membantu merancakkan proses reformasi di China yang membuka ruang untuk merancakkan proses pemindahan teknologi dan juga proses perdagangan secara besar-besaran. Ini sekaligus membantu China untuk keluar dari belenggu hutang perang seperti yang telah diulas pada poin sebelumnya. Antara pembangunan yang boleh dilihat ialah perlaksanaan perlombongan arang secara moden di dua kawasan percubaan antaranya Kaiping Ferla 2021; Chang 2013). Perlombongan arang ini menjurus kepada penjanaan tenaga elektrik yang dijana menerusi jenerator yang dibeli dari Denmark dan Shanghai menjadi daerah pertama yang mempunyai akses tenaga elektrik (Yuan *et al.* 2012). Pembangunan perlombongan arang juga telah membantu memastikan istana musim panas yang baharu dibina dilengkapi dengan lampu elektrik (Seagrave 1993). Menurut Chang (2013) tenaga elektrik ini juga digunakan di *sea palace* iaitu tempat tinggal Cixi setelah baginda bersara dari pentadbiran. Ini sekaligus membuka dimensi lembaran baharu di China apabila pemimpinnya sendiri terlibat secara langsung dengan proses reformasi negara itu. Reformasi ekonomi di China dilihat semakin rancak melalui pembangunan kilang tekstil di Kansu dan Canton (Wu 1974; Chang 2013). Penubuhan kilang ini dilihat menjadi titik tolak reformasi perindustrian dan perdagangan yang mampu melonjakkan pasaran ekonomi China. Kerancakan pembangunan sektor perindustrian di China ini membantu melonjakkan China ke satu tahap baharu di bawah pentadbiran Cixi.

Peranan Cixi sebagai pemimpin utama yang bertindak sebagai instrumen mengawal selia seluruh program reformasi di negara itu perbincangan, pengeluaran dekri dan kebenaran menjadi penggerak kepada reformasi yang berlaku. Zhang (2010) menyatakan bahawa kerajaan Qing membuat pelaburan yang besar untuk membangunkan sektor komunikasi dan perhubungan seperti pembangunan landasan keretapi dan pejabat telegraf. Ini boleh dilihat melalui pengasasan *Imperial Telegraph Administration* untuk tujuan perhubungan dan pemasangan telegraf dilaksanakan di beberapa kawasan seperti Fujian, Shanghai dan Taiwan. Ini sekaligus menandakan kemajuan baharu dalam sektor komunikasi dan mengubah status quo China. Selain itu, sektor perhubungan di China juga dipertingkatkan melalui idea penggunaan keretapi. Menurut Zhang (2010) walaupun ia mendapat tentangan hebat masyarakat akan tetapi ia terus dilaksanakan menerusi campur tangan Cixi iaitu pada tahun 1888, Cixi membuat keputusan untuk membeli sebuah keretapi dengan enam gerabak termasuk landasan keretapi sepanjang 3.5-kilometer dan dipasang di *Sea Palace*. Jika disingkap secara lanjut, pembelian dan pemasangan keretapi berserta landasannya oleh Cixi mungkin dilihat tidak begitu mengujakan atas faktor sudah ada sejarah penggunaannya di Shanghai namun, penggunaan ini menjadi satu pembuktian bahawa Cixi tidak menolak arus pemodenan seperti yang didakwa oleh sesetengah sarjana seperti Ong (2005).

Penggunaan keretapi ini sekaligus mengukuhkan sektor perhubungan dan memudahkan proses laluan ekonomi di dalam China. Kesedaran dan pandangan jauh

Cixi mengenai impak yang dapat dibawa melalui reformasi sektor pengangkutan ini telah menjurus kepada terubahnya status quo sistem pengangkutan tradisional. Ini dilihat sebagai salah satu sumbangan Cixi. Reformasi yang berlaku di bawah kepimpinan Cixi ini dilihat meliputi segenap sudut itu di dalam memastikan kelangsungan dan kemandirian China. Langkah yang diambil dianggap penting dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat China. Melalui ini, kita dapat melihat bahawa adanya rentetan penerusan legasi pentadbiran Cixi oleh Guangxu. Segala reformasi yang dilaksanakan ini memberi impak kepada seluruh struktur institusi sosial sedia ada. Secara amnya, reformasi yang berlaku ini telah memberi impak kepada semua sektor utama yang lantas menjurus kepada mengubah status quo China. Impak ini seterusnya juga mempengaruhi reformasi institusi sosial seperti pendidikan dan juga masyarakat itu sendiri khususnya masyarakat wanita Qing.

### ***Reformasi Institusi Sosial dan Pemerksaan Wanita***

Sarjana seperti Zhang (2010) mengulas mengenai sumbangan Cixi ketika era Tongzhi di dalam cubaan memastikan kelangsungan China namun cubaan itu gagal dilaksanakan sebaiknya dan gagal memastikan reformasi masyarakat China itu berlaku yang diakhiri dengan kejatuhan Qing pada 1912. Akan tetapi, kajian ini mendapati reformasi masyarakat itu berterusan berlaku di antara 1861-1908 terutama dari sudut pendidikan, kebudayaan dan pemerkasaan wanita. Antara yang boleh disoroti dari sudut pendidikan ialah menerusi pendidikan berkaitan sektor pertahanan. Li (2020) menyatakan bahawa pada tahun 1875, pelajar daripada limbungan ketenteraan Foochow telah dihantar ke negara-negara Barat seperti Perancis dan Britain untuk mempelajari selok belok pembinaan kapal dan juga untuk menjalani latihan ketenteraan dan diikuti pada tahun 1881, 10 orang pelajar akademi tentera laut dihantar untuk menyambung pelajaran di Jerman, Britain dan Perancis. Ini dilihat sebagai satu inisiatif program penghantaran pelajar ke luar negara untuk membantu mempelajari ilmu ketenteraan dan teknologi yang lebih moden untuk di bawa balik ke China. Boleh disimpulkan langkah yang diambil ini sebagai salah satu inisiatif di bawah kerajaan pentadbiran Cixi di dalam membantu melahirkan pelajar yang lebih holistik dan moden di samping mampu membantu mengerakkan perubahan dan menjayakan reformasi kepada negara itu.

Dari sudut pendidikan bagi masyarakat Qing, Pada tahun 1861, Tongwen Guan (School of Combined Learning) diasaskan dan memainkan peranan sebagai institut akademik dan bahasa bagi melahirkan para penterjemah dan mendapat sokongan penuh daripada pentadbiran. Di samping itu, ia juga merupakan salah satu akademi pendidikan moden pertama yang menggabungkan silibus klasik dan moden di China (Chen 2017). Pada mulanya institusi ini bertindak sebagai pusat akademik yang menyediakan silibus pengajian bahasa asing dan pengajian klasik Confucian namun ia dikembangkan dengan memasukkan pengajian sains moden. Ahli akademik Barat daripada Amerika telah dilantik untuk membantu di dalam proses pembelajaran dan pengajaran di akademi tersebut (Fairbank 1978). Walaupun sesetengah sarjana seperti Jia Yongtang melihat Tongwen Guan gagal mencapai matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan Qing disebabkan kewujudan xenofobia dalam kalangan sarjana Qing ketika itu yang menyebabkan akademi itu gagal (Chen 2017). Akan tetapi Chen (2017), mengulas bahawa Tongwen Guan itu dilihat setaraf dengan institut pendidikan di Amerika Syarikat sebelum ia digabungkan dengan Imperial University of Peking pada 1902. Reformasi pendidikan ini mendapat sokongan Cixi yang menunjukkan bahawa kepentingan pendidikan itu ditekankan kerana ia menjurus kepada membantu melahirkan golongan berpendidikan dan berkerjaya. Penubuhan institut akademik ini dilihat sebagai satu inisiatif untuk membantu memudahkan komunikasi di antara pihak tempatan dan pihak

asing di samping melahirkan masyarakat generasi baharu Qing yang lebih holistik dan seimbang dari ilmu tradisional klasik dan moden. Impak daripada kewujudan pusat pendidikan sebegini telah mengubah landskap masyarakat China dan ini dilihat sebagai salah satu sumbangan yang terhasil di bawah kepimpinan Cixi.

Seterusnya, kita soroti pula agenda pemerkasaan wanita yang dilaksanakan oleh Cixi. Komuniti wanita Qing pada awalnya dilihat sebagai satu entiti tidak signifikan dan dipandang sebagai masyarakat kelas kedua di dalam struktur sosial masyarakat itu (Mann 1987). Ini menjurus mereka dieksploitasi, ditindas serta didiskriminasi di dalam masyarakat Qing. Pelbagai pandangan sarjana misalnya Gao (2000) melihat ajaran Konfusianisme sebagai punca berlakunya penindasan akibat pegangan utuh Masyarakat Qing terhadap ajaran Konfusianisme. Ajaran Konfusianisme itu dilihat begitu kuat di dalam masyarakat Qing. Ia dilihat sebagai satu akar tunjang kepada sosok masyarakat itu dan ia dipraktikkan sebagai kod etika dalam kehidupan seharian.

Keutuhan masyarakat patriarki ini begitu menebal dan menyusur sehingga ke akar umbi iaitu ke dalam institusi kekeluargaan malah peranan yang dimainkan oleh lelaki dan wanita. Elemen Confusianisme ini menurut Jiang (2009) bersifat mendiskriminasi dan memberi contoh Analects 17.2:

Only women and morally inferior men seem difficult to care for. If you keep them close, they become insubordinate; but if you keep them at a distance, they become resentful.

Akan tetapi kajian Rosenlee (2012) mengakui bahawa karya Konfusianisme itu ada membincangkan wanita namun tidak menyatakan bahawa golongan lelaki mempunyai kebebasan untuk menindas wanita. Chang (2020) berpandangan bahawa ajaran Konfusianisme telah disalahgunakan dan diinterpretasi oleh para sarjana dan juga ahli politik serta institusi pentadbiran lampau yang didominasi oleh golongan lelaki untuk mengawal wanita. Ini selari dengan kenyataan sarjana gender, Catharine Mackinnon yang menyatakan *the state was inherently male and the state simply conflates male interests with the common interest* (Hawkesworth 2019). Ini sekaligus menamparkan bahawa institusi pentadbiran dan sistem bermasyarakat Qing itu merupakan satu “*gendered state*” di mana institusi patriarki itu saling berkait dengan institusi pentadbiran dan kesemua perkara dilaksanakan berdasarkan kepentingan masyarakat lelaki tanpa mengambil kira wanita. Kertas kajian ini bukan ingin tertumpu kepada pendefinisian atau pengolahan serta mempertahankan Konfusianisme kerana kajian ini tertumpu kepada pemerkasaan wanita Qing di bawah era Cixi di mana masyarakat wanita pada ketika itu terpaksa melalui pelbagai bentuk penindasan, segregasi, ketaksamarataan, malahan keganasan rumah tangga dan ini semua berada di bawah ruang lingkup kajian gender.

Masyarakat Qing itu amat berpegang kuat kepada sistem patriarkal dan sistem patrilineal yang jelas memberatkan golongan lelaki itu untuk memainkan peranan yang lebih dominan atau bertindak sebagai autoriti di dalam sistem bermasyarakat secara rangkumannya. Dan pengkaji melihat ini sebagai satu sebab yang meletakkan golongan wanita di kedudukan terbawah struktur organisasi masyarakat Qing dan juga menjadi asbab mengapa berlakunya diskriminasi gender itu serta penindasan terhadap mereka. Keutuhan amalan patriarki dan patrilineal ini boleh dilihat dengan lebih jelas di dalam institusi kekeluargaan tanpa mengira lapisan kelas dan kedudukan.

Selain itu, terdapat satu bentuk penekanan atau keperluan yang wajib untuk melahirkan anak berjantina lelaki berbanding perempuan. Ini adalah satu bentuk *male gender*

*preference* atau keutamaan gender lelaki yang wujud dalam kalangan masyarakat Qing di mana mereka lebih memilih dan mengutamakan jantina lelaki. Ini sekaligus menjurus kepada *gender bias* iaitu satu bentuk diskriminasi terhadap sesuatu jantina di mana di dalam kajian ini ialah berlaku kepada perempuan. Faktor yang menjurus kepada berlakunya situasi ini adalah disebabkan ingin menjaga nasab keturunan keluarga dan mentaliti bahawa lelaki itu adalah lebih gagah "superior" berbanding wanita disebabkan golongan lelaki dilihat mampu meneruskan kelangsungan nasab keturunan keluarga berbanding bayi perempuan (Zhan, 2002).

Kelahiran pewaris lelaki amat diharapkan akan tetapi jika sebaliknya iaitu anak perempuan yang dilahirkan berlaku, ia akan membawa kepada wujudnya satu siri kekecewaan. Ini seterusnya mendorong kepada tindakan di luar jangkaan iaitu berlakunya *female infanticide* atau pembunuhan bayi perempuan (Kawkesworth 2019). Ini lantas mendorong kepada tindakan pembunuhan bayi perempuan itu atas kerana mentaliti inginkan pewaris lelaki untuk meneruskan nasab keturunan serta di samping keutuhan budaya patriarki dan patrilineal itu. Idea ini dilihat telah mempengaruhi kewujudan segregasi jantina di dalam struktur masyarakat Qing. Kewujudan perbezaan ini menjadi satu isyarat dan titik tolak utama di dalam menentukan peranan dan limitasi kehidupan (pendidikan/perkahwinan) bagi sesuatu individu itu. Ini disebabkan jantina seseorang individu itu telah dilihat sebagai asas kepada pembentukan satu bentuk sistem klasifikasi iaitu klasifikasi peranan gender yang membahagikan serta membezakan perwatakan dan tingkah laku yang dianggap sesuai mengikut jantina tersebut (Nagoshi, Nagoshi and Bruzy 2014).

Klasifikasi peranan gender ini telah diamalkan oleh masyarakat sejak zaman sebelum penyatuhan China lagi. Setiap individu itu telah diklasifikasikan peranan mereka semenjak dari kelahiran mereka lagi berdasarkan jantina kelahiran mereka. Jantina kelahiran itu menjadi asas kepada pembahagian mengikut tugas yang dilihat menurut ciri-ciri stereotaip peranan sesuatu jantina itu. Wanita Qing itu terikat dengan kod etika yang menyekat mereka dari melakukan tindakan atau memainkan peranan di luar tingkah laku yang di anggap ideal dan mereka hanya berperanan di dalam institusi kekeluargaan sebagai seorang suri rumah (Gao 2000). Ini kerana wujud persepsi yang mengkhawatir jika wanita itu berperanan di luar tingkah laku atau peranan yang ditetapkan, ia mampu membawa perkara buruk dan selain itu mereka tidak boleh terlibat di dalam urusan awam yang berada di bawah skop peranan lelaki kerana mereka digambarkan sebagai figura berbahaya yang mampu membawa kemusnahan seperti salah satu frasa yang digunakan iaitu jika ayam betina yang berkокok tika waktu subuh dan bukannya ayam jantan, itu akan menandakan kejatuhan sesebuah keluarga (Gao 2000). Pengkaji melihat penulisan dan tafsiran ini sebagai satu bentuk metafora yang menjadi satu lagi sebab yang menjurus kepada mengapa wanita itu menjadi inferior di dalam masyarakat. Di sini tampak jelas wujudnya segregasi peranan gender di mana masyarakat lelaki itu mempunyai peranan yang lebih meluas dan melingkupi urusan awam dan golongan wanita hanya terhad peranan mereka iaitu di rumah sahaja.

Keutuhan budaya patriarki membentuk mentaliti bahawa wanita tidak patut mempunyai pendidikan. Wujud mentaliti "*ignorance is a woman's virtue*" iaitu kejihilan merupakan sebahagian sifat terpuji wanita. Masyarakat pada ketika itu berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk wanita itu tidak berpendidikan formal dan jahil kerana mereka dilihat tidak layak untuk mendapat pendidikan (Ko 1994). Menerima pendidikan menerusi karya *Nü shi yang mengajar* perkara seperti tradisi keluarga, etnik sosial dan penekanan terhadap cara menjadi suri rumah yang sempurna (Ko 1994). Berbeza dengan golongan lelaki yang diberikan peluang mempelajari ilmu sastera dan karya klasik serta

dididik agar bersedia untuk mengambil tugas sebagai pemimpin/ketua keluarga. Golongan lelaki mempunyai institusi pendidikan mereka sendiri manakala wanita hanya diasuh di rumah sahaja. Majoriti wanita tidak diberikan peluang yang sama. Seterusnya, tingkah laku wanita juga dikawal oleh satu kod moral dan norma sosial. Diskriminasi dan ketidaksamarataan dalam pendidikan ini sekaligus meletakkan kedudukan wanita itu di bawah lelaki. Ini sekaligus membuatkan masyarakat wanita itu ketinggalan di belakang

Maka sebagai seorang wanita Qing sendiri yang berjaya menafikan status quo untuk menjadi pemerintah, Cixi telah berjaya merekodkan beberapa buah sumbangannya di dalam memperkasakan wanita Qing. Antara sumbangan yang boleh dilihat menerusi regulasi pendidikan wanita yang memberikan ruang kepada wanita untuk mendapat akses pendidikan yang lebih banyak berbanding hanya terikat kepada pendidikan wanita di bawah *Nü sishu*. Status quo masyarakat wanita China itu adalah terikat dengan kebudayaan patriarki yang begitu mencengkam dan mengongkong mereka dari segenap sudut (Gao 2003). Mereka dinafikan pendidikan lanjut dan tidak mendapat hak yang samarata seperti lelaki Qing di dalam menuntut ilmu malahan dari sudut kehidupan dan kebudayaan. Maka ini secara jelas menunjukkan bahawa wujud amalan diskriminasi dan bias gender terhadap golongan wanita Qing itu.

Lantas, antara langkah yang diambil oleh Cixi dalam reformasi dan pemerkasaan wanita ialah dengan mengeluarkan edik “*Regulation for Women’s Education*” yang membuka ruang untuk wanita melanjutkan pelajaran sehingga ke luar negara dan boleh mendapat biasiswa dari kerajaan juga (Rhoad 2000). Walaupun ia mendapat tentangan daripada sesetengah pegawai Cixi sendiri disebabkan mereka melihat perkara ini mampu menjadi ancaman dan menjurus kepada berlakunya ketidakstabilan sosial, akan tetapi Cixi meneruskan juga usahanya (Barish, 2018). Di antara pelajar wanita yang mendapat faedah daripada regulasi ini ialah Song Qingling iaitu isteri kepada Sun Yat-Sen (Presiden Republik China) yang kemudian menjadi salah seorang *Chairwomen of the People’s Republic of China* (Chang 2013). Di samping itu, impak daripada pemerkasaan pendidikan oleh Cixi itu membawa kepada kelahiran golongan berpendidikan dan berpemikiran kritikal. Generasi berpendidikan ini mula menolak segala agenda konservatif atau amalan tradisional seperti *widow and women chastity* atau kesucian balu yang merupakan salah satu lagi praktik yang menindas wanita Qing.

Mann (1987) mengulas bahawa pada tahun 1920, majoriti golongan berpendidikan itu mula menolak dan meragui merit yang ada pada budaya kesucian balu ini dan akhirnya ia perlahan-lahan hilang. Secara mudah, reformasi oleh Cixi itu telah membawa kepada kelahiran masyarakat berpendidikan yang mengoncang struktur budaya patriarki dan amalan konservatif pada ketika itu. Lantas pada hari ini, budaya kultus kesucian balu itu dilihat telah lesap dari dalam masyarakat dan golongan balu itu dilihat bebas untuk berkahwin tanpa rasa terikat (Mann 1987). Tindakannya ini dilihat adalah untuk memastikan wanita Qing juga mampu mendapat hak yang samarata di dalam mendapatkan pendidikan. Seterusnya langkah pemerkasaan wanita ini dilihat membawa kepada penghasilan majalah dan jurnal berkaitan wanita seperti *Nü xuebao* (*Journal of women’s education*) yang tertumpu kepada kehidupan dan gaya hidup wanita malahan berkaitan pendidikan wanita dan sebagainya (Chang 2013; Barish 2018). Kajian ini melihat tindakannya sumbangannya kepada pemerkasaan wanita ini dilihat tidak popular dan kurang dibincangkan di dalam naratif-naratif akademik atas faktor majoriti naratif akademik utama. Kebanyakan naratif lebih tertumpu kepada sudut negatif yang diasosiasikan dengan dirinya yang mulanya tercetus akibat konflik politik di antara Cixi dan musuh politiknya Kang Youwei (Jia 2020). Namun secara amnya, tidak dapat dinafikan sumbangan Cixi itu dalam pemerkasaan wanita itu menerusi pendidikan.

Seterusnya sumbangan Cixi dapat dilihat menerusi penghapusan amalan praktik sosial yang dilihat sebagai satu penyeksaan tubuh badan seperti adat mengikat kaki atau "*bound feet*" yang merupakan amalan kaum Han yang tidak boleh dipraktikan oleh kaum Manchu akan tetapi ia sudah diikuti oleh masyarakat Manchu wanita atas nama kecantikan (Mann 2011). Amalan mengikat kaki ini dilihat sebagai satu simbol kecantikan wanita dan sebagai satu prospek perkahwinan untuk mereka, namun hakikatnya ia merupakan satu simbol patriarki yang mempamerkan tunduknya wanita kepada lelaki dan menjadi satu metod ketaatan wanita kepada lelaki (Mann 2011). Maka Cixi mengambil langkah untuk mengharamkan amalan praktik ini (Ferla 2021). Ini sekaligus menghapuskan satu bentuk praktik yang menjelaskan kesihatan wanita di samping menghapuskan simbol patriarki yang menjadi rantai pasung mereka. Tindakan Cixi ini adalah satu simbol pembebasan wanita daripada pasungan lelaki itu. Maka boleh dilihat bagaimana pemerkasaan wanita itu berlaku secara tidak langsung melalui proses reformasi ketika era pentadbiran Cixi. Walaupun sumbangan kepada wanita itu mungkin dilihat enteng atau sedikit akan tetapi ia telah membawa kepada perubahan yang besar kepada masyarakat yang seterusnya mengoncang seluruh budaya patriarki di negara tersebut.

Reformasi dari sudut institusi kekeluargaan juga berlaku apabila Cixi mengeluarkan edik yang membenarkan perkahwinan inter-etnik di antara kaum Han dan Manchu yang dilarang sejak awal pembentukan dinasti terbabit (Chang 2013). Penghapusan larangan ini menunjukkan keterbukaan pemikirannya yang berfikir di luar konteks status quo tradisional di samping menghormati hak individu untuk bebas berkahwin tanpa mengira perbezaan kaum. Ini boleh dilihat sebagai satu langkah mengangkat hak kebebasan masyarakat untuk berkeluarga tanpa diterhadkan oleh adat tradisional itu. Dengan terhapusnya amalan ini ia mampu membantu membawa perubahan yakni dari segi hubungan di antara dua puak utama di China serta memastikan rakyat dapat bersatu padu walaupun berlainan bangsa.

Secara umumnya, reformasi institusi sosial dan wanita yang dilaksanakan di bawah pentadbiran Cixi ini telah membawa kemaslahatan kepada masyarakat Qing dari segi bagaimana ia membantu meningkatkan dan mengubah kehidupan mereka ke satu tahap yang lebih baik dan seiring dengan peredaran masa. Kewujudan faktor gender seperti peranan gender, diskriminasi dan penindasan gender ini malahan *gender preference* ini menunjukkan bahawa negara China ketika dinasti Qing itu merupakan satu entiti *gendered state* yang bergerak di dalam ruang lingkup kepentingan masyarakat patriarki yang menjulang *men superiority* dan Cixi telah mengambil langkah kanan di dalam memastikan reformasi status quo itu berlaku yang menyaksikan pemerkasaan wanita itu berlaku dan wanita tidak lagi ketinggalan di belakang atau dilayan sebagai masyarakat kelas kedua.

## Kesimpulan

Tuntasnya, kedua-dua masyarakat umum dan juga masyarakat akademik melihat dirinya sebagai pemimpin yang penuh kontroversi dan ini telah menenggelamkan sedikit sebanyak peranan dan sumbangannya sebagai pemimpin di dalam pentadbiran Qing. Tidak dapat dinafikan bahawa Cixi merupakan seorang aktor politik yang ingin melindungi kedudukannya sebagai seorang pemimpin, namun baginda sendiri hakikatnya ada memainkan peranan sebagai seorang pemimpin dan sumbangannya itu boleh disoroti menerusi pelbagai sudut. Walaupun akreditasi di dalam naratif akademik ditumpukan kepada pegawaiannya seperti Li Hongzhang atas sumbangan mereka di dalam

perlaksanaan program reformasi namun harus ditegaskan bahawa segala program reformasi itu tidak dapat dilaksanakan jika tidak mendapat kelulusan Cixi sebagai pemerintah kerana segala kuasa pembuatan keputusan berada padanya. Segala reformasi yang berlaku adalah dengan persetujuannya. Ini sekaligus memberikan satu pembuktian yang menafikan dakwaan dan naratif bahawa Cixi ini merupakan seorang pemimpin yang menolak pemodenan dan program reformasi yang dilaksanakan oleh Cixi pada era Guangxu itu dilihat lewat dan tidak mampu memastikan kelangsungan dinasti itu.

Kajian ini telah membentangkan mengenai sumbangan Cixi di bawah tiga kata kunci berbeza. Pertama ialah reformasi dasar dan pertahanan yang membincangkan mengenai reformasi dasar polisi yang dilakukan iaitu perlaksanaan dasar buka pintu yang sekaligus mendedahkan semula China kepada arus pemodenan dan perindustrian. Dasar ini membantu China untuk kembali semula di dalam perdagangan dan membantu membentuk hubungan diplomatik dengan negara luar. Ini memberi faedah kepada China apabila China berjaya menyelesaikan hutang perang Candu di samping meningkatkan semula sektor ekonomi negara itu. Menerusi dasar ini yang membentuk hubungan diplomatik ini telah memberikan faedah dari segi menggerakkan pemindahan teknologi dan kepakaran ke dalam China. Sektor pertahanan China melalui reformasi dan mula mengadaptasi metod ketenteraan dan juga arus kemodenan yang menyaksikan pemodenan dari segi pembangunan alatan senjata dan ketenteraan. Sektor komunikasi dan pengangkutan mula berubah dari tradisional kepada yang lebih moden yang boleh dilihat dari penggunaan telegraf untuk berkomunikasi dan penggunaan keretapi sebagai pengangkutan. Seterusnya, ialah menerusi reformasi perindustrian di China seperti penubuhan kilang penghasilan tekstil yang lebih moden menggunakan mesin yang merancakkan ekonomi negara itu. Di samping itu, penggunaan tenaga baru seperti perlombongan arang yang kemudian digunakan untuk penjanaan tenaga elektrik. Kesemua reformasi ini secara langsung membantu mengubah status quo masyarakat Qing itu sendiri.

Disebalik kerancakan reformasi dan pembangunan negara, Cixi meletakkan fokusnya terhadap reformasi masyarakat dan khususnya terhadap wanita. Reformasi masyarakat ini dilakukan menerusi pendidikan untuk melahirkan generasi baharu yang berpendidikan dan turut melibatkan komuniti wanita Qing yang didiskriminasi dan tidak mendapat peluang yang samarata dalam menuntut ilmu pendidikan. Wanita akhirnya diberi peluang untuk mendapat pendidikan yang sama seperti golongan lelaki. Di samping itu, pemerksaan wanita juga dilakukan dari sudut kehidupan mereka seperti penghapusan kebudayaan yang bersifat menindas wanita. Perbezaan kajian ini dengan kajian lepas dapat dilihat dari sudut majoriti kajian lepas lebih tertumpu kepada kajian umum misalannya kajian mengenai kehidupan dirinya atau kajian yang tertumpu kepada penindasan wanita sahaja dan ketidaaan kajian inklusif yang melihat sumbangan Cixi dari sudut gender dan keselamatan yang membezakan kajian ini dan kajian lain. Artikel ini memberikan satu pemahaman dan pendekatan baharu yang inklusif mengenai sumbangan Cixi sebagai seorang pemimpin dan sekaligus memenuhi jurang kelompongan di dalam kajian gender dan kepimpinan wanita mengenai sumbangan Cixi dan juga kurangnya kajian sumbangan pemimpin wanita di dalam Bahasa Melayu bagi rujukan sarjana kajian gender dan hubungan antarabangsa dan sekaligus memenuhi skop kajian “*missing women figure in gender scholarship*”. Kajian ini percaya bahawa Cixi sepatutnya diiktiraf atas sumbangannya kepada masyarakat Qing dan China serta menyarankan agar lebih banyak kajian yang mendalam dan menyeluruh dilaksanakan terhadapnya oleh komuniti sarjana khususnya sarjana kajian gender dan hubungan antarabangsa berkaitan dengan polisi-polisi dan strategi pentadbiran Cixi berkaitan dengan kedaulatan, ekonomi, serta sosial untuk didedahkan bagi pengetahuan masyarakat umum.

## Penghargaan dan Pengisytiharan

Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan. Penulis merakamkan penghargaan kepada Sekolah Sains Sosial USM di atas sokongan yang diberikan. Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak *SINERGI* dan *anonymous reviewers* atas komen dan cadangan penambahbaikan yang diberikan. Akhir sekali, penghargaan khas juga ditujukan kepada keluarga, sahabat handai serta Pusat SPHEA UKM dan mantan pensyarah Pusat SPHEA UKM, Puan Mahfudzah Mustaffa atas nasihat yang diberikan ketika pelaksanaan kajian ini.

## Rujukan

- Barish, Daniel. 2019. "Empress Dowager Cixi's Imperial Pedagogy: The School for Female Nobles and New Visions of Authority in Early Twentieth Century China." *NANNU: Men Women and Gender in China* 20, no. 2: 256-284.
- Boon Dar, Ko. 2021. "Maharani Dowager Cixi: Wanita Yang Memerintah China di Belakang Tabir, 1862-1874." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 30, no. 1: 1-19.
- Cassan, Benjamin. 2005 "William Jardine: Architect of the First Opium War." *Historia* 14: 106-117.
- Chan, Ying-Kit. 2016. "Mourning During the Tongzhi Regency: The Case of Li Hongzhao (1820-1897)." *Monumenta Serica* 64, no. 2: 389-410.
- Chang, Chiyun. 2020. "Sir Robert Hart and the Writing of Modern Chinese History." *International Journal of Asian Studies* 17, no. 2: 109-126.
- Chang, Jung. 2013. *Empress Dowager Cixi: The Concubine Who Launched Modern China*. New York: Knopf,
- Chen, Fei. 2017. "Negotiating for Modern Education: The Politics behind the Curriculum and Admissions Reforms at the Tongwen Guan." *Sungkyun Journal of East Asian Studies* 17, no. 1: 41-60.
- Fairbank, John K., and Albert Feuerwerker (Eds.). 1978. *The Cambridge History of China, Volume 13: Republican China 1912-1949, Part 2*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ferla, Hannah. 2021. "From Concubine to Ruler: The Lives of Emperor Wu Zetian and Empress Dowager Cixi." *History in the Making* 14, no. 1: 103-134.
- Gao, Xiongya. 2000. *Pearl S. Buck's Chinese Women Characters*. London: Susquehanna University Pres.
- Gao, Xiongya. 2003. "Women Existing for Men: Confucianism and Social Injustice

- against Women in China.” *Race, Gender & Class Journal* 10, no. 3: 114-125.
- Hagstrom, Linus. and Astrid H M Nordin. 2020. “China’s ‘Politics of Harmony’ and the Quest for Soft Power in International Politics.” *International Studies Review* 22, no. 3: 507-525.
- Hawkesworth, Mary. 2019. *Gender and Political Theory: Feminist Reckonings*. Cambridge: Polity Press.
- Hevia, James L. 1995. *Cherishing Men from Afar: Qing Guest Ritual and the Macartney Embassy of 1793*. North Carolina: Duke University Press Books.
- Hsu, Immanuel C. Y. 1999. *The Rise of Modern China*. Oxford: Oxford University Press.
- Iriye, Akira. 2002. “East Asia and the Emergence of Japan, 1900-1945.” In *The Oxford History of the Twentieth Century*, edited by M. Howard, & W. Roger Louis, 139-150. Oxford: Oxford University Press.
- Jaggar, Alison M. 1988. *Feminist Politics and Human Nature*. New York: Rowman & Littlefield.
- Jia, Xiaoye. 2020. “Kang Youwei’s Propaganda Adjustments after the Hundred Day Reform, 1898-1900.” *Journal of Modern China History* 14, no. 1: 48-65.
- Jiang, Xinyan. 2009. “Confucianism, Women, And Social Contexts.” *Journal of Chinese Philosophy* 36, no. 2: 228-242.
- Ko, Dorothy. 1994. *Teachers of the Inner Chambers: Women and Culture in Seventeenth-Century China*. Stanford: Stanford University Press, 1994.
- Lorber, J. 2011. *Gender Inequality: Feminist Theories and Politics*. Oxford: Oxford University Press.
- Mann, Susan. 1987. “Widows in the Kinship, Class and Community Structures of Qing Dynasty China.” *The Journal of Asian Studies* 46, no. 1: 37-56.
- Mingyang, Li. 2020. “Building Warships and Nurturing Technical Talent at the Foochow Navy Yard during the Self Strengthening Movement.” *Chinese Annals of History of Science and Technology* 4, no. 2: 1-34.
- Nagoshi, Julie L., Craig T. Nagoshi, and Stephan/ie Brzuzy. 2014. *Gender and Sexual Identity: Transcending Feminist and Queer Theory*. New York: Springer.
- Nasuha Anuar, Nur Ain., and Moussa Pourya Asl. 2022. “Gender, Resistance, and Identity: Women’s Rewriting of the Self in Chitra Banerjee Divakaruni’s Before We Visit the Goddess.” *Pertanika Journals Social Sciences & Humanities* 30, no. 3: 1201-1221.
- Nye Jr., Joseph. 2011. *The Future of Power*. New York: Public Affair.
- Ong, Siew Chey. 2005. *China Condensed: 5000 Years of History and Culture*. Singapore: Marshall Cavendish.

- Orbach, Danny. 2021. "Foreign Military Adventurers in the Taiping Rebellion, 1860-1864." *Journal of Chinese Military History* 10, no. 1: 1-32.
- Reilly, Thomas H. 2011. *The Taiping Heavenly Kingdom: Rebellion and the Blasphemy of Empire*. Seattle: University of Washington Press.
- Rhoads, Edward J. M. 2000. *Manchus and Han: Ethnic Relations and Political Power in the Late Qing and Early Republican China, 1861-1928*. Seattle: University of Washington Press.
- Rosenlee, Li-Hsiang Lisa. 2012. *Confucianism and Women: A Philosophical Interpretation*. New York: State University of New York Press.
- Ruskola, Teemu. 1994. "Law, Sexual Morality, and Gender Equality in Qing and Communist China." *Yale Law Journal* 103, no. 8: 2531-2565.
- Schwegler, Kirsten. 2017. "Western Visions of the Empress Dowager Cixi: Her Many Roles in a Story of Fictional Fantasy and Political Sexism." *Footnotes: University of Guelph's Undergraduate Journal of Gender, Sexuality and Social Change* 10: 30-42.
- Smith, Richard J. and John K. Fairbank. 1978. *Mercenaries and Mandarins: The Ever-Victorius Army in Nineteenth-century China*. New York: KTO Press.
- Rhim, Soon Maa. 1982. "The status of women in China: Yesterday and today." Asian Studies: *Journal of Critical Perspective on Asia* 20, December: 1-44.
- Suwanthanin, Waroonporn. 2022. "Closed-Door Policy of the Qing Dynasty and China's Defeat in the First Opium War." *Journal of ASEAN PLUS Studies* 3, no. 2: 1-12.
- Wang, Yi. 2020. "'The Backward Will Be Beaten': Historical Lesson, Security, and Nationalism in China." *Journal of Contemporary China* 29, no. 126: 887-900.
- Wodak, Ruth. and Michael Meyer. 2015. *Methods of Critical Discourse Analysis* (3rd edition). London: SAGE.
- Wong, Tsu-Young. 1992. "Revisionism Reconsidered: Kang Youwei and the Reform Movement of 1898." *The Journal of Asian Studies* 51, no. 3: 513-544.
- Woo, X. L. 2002. *Empress Dowager Cixi: China's Last Dynasty and the Long Reign of a Formidable Concubine*. New York: Algora Publishing.
- Wu, Chang-Chuan. 1974. *Cheng Kuan-Ying: A Case Study of Merchant Participation in The Chinese Self-Strengthening Movement (1878-1884)*. PhD Dissertation, Faculty of Political Science, Columbia University, US.
- Yu, Derling. 2015. *Two Years in the Forbidden City*. California: CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Yuan, Xingpei., Wenming Yan, Chuanxi Zhang, and Yulie Lou. (Eds.) 2012. *The History of Chinese Civilization: Late Ming and Qing Dynasties (1525-1911)*. Cambridge: Cambridge University Press.

Yuhang, Li. And Harriet T. Zurndorfer. 2012. "Rethinking Empress Dowager Cixi through the Production of Art." *NAN NU: Men, Women and Gender in China* 14, no. 1: 1-20.

Zhang, Zhan. 2010. "Cixi and Modernization of China." *Asian Social Science* 6, no. 4: 154-159.